



BERSEMANGAT... pelajar baru UMS membaca ikrar semalam.

## UMS, Universiti Birmingham adakan kerjasama

Oleh Mohd Yusuf Abu Bakar

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) akan bekerjasama dengan Universiti Birmingham dan Imperial College dari Britain bagi menjalankan penyelidikan mengenai biodiversiti di hutan di negeri Sabah.

Naib Canselor UMS, Datuk Prof Dr Abu Hassan Othman, berkata dalam perbincangan dengan Universiti Birmingham baru-baru ini, mereka bersetuju untuk membantu UMS menubuhkan bank genetik (gene bank) tumbuhan dan hidupan yang masih banyak dan belum dikenal pasti.

"Kerjasama yang diberikan oleh kedua-dua universiti terkemuka di Britain itu akan meningkatkan usaha UMS untuk muncul sebagai universiti cemerlang dalam

bidang pengajian biodiversiti di negara ini yang bukan sahaja menjadi rujukan pengkaji tempatan tetapi juga luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis ikrar pelajar baru universiti berkenaan di Yayasan Sabah, Kota Kinabalu, semalam.

Seramai 700 pelajar baru mengikuti program pengajian di lima sekolah iaitu Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Sekolah Sains Sosial dan tiga sekolah baru yang ditubuhkan tahun ini iaitu Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Sekolah Sains Ma-

kanan dan Pemakanan dan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa.

Dr Abu Hassan berkata, bidang biodiversiti menjadi tumpuan UMS kerana Sabah mempunyai kepelbagaian fauna dan flora yang masih belum diterokai terutama di Lembah Danum, Lembangan Maliau dan Taman Negara Kinabalu.

Menurutnya, penubuhan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa yang menawarkan sesi pengajian mulai tahun ini adalah pendekatan baru yang diambil mengenai pengurusan hutan di negara ini.

"Sekolah berkenaan menawarkan program Perhutanan Tropika Antarabangsa, Program Hutan Ladang dan Perhutanan, Program

Taman Alam Semula Jadi dan Program Teknologi dan Industri Serat Kayu," katanya.

Dr Abu Hassan berkata, UMS melalui Program Hutan Ladang dan Perhutanan menawarkan pengajian pengurusan dalam usaha untuk meningkatkan mutu dan perkhidmatan di ladang getah, kelapa sawit dan koko yang banyak terdapat di negara ini.

"UMS juga berusaha untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang etnografi, biodiversiti dan marin melalui penubuhan Unit Penyelidikan Marin Borneo; Biologi Tropika dan Pemuliharaan serta Etnografi dan Pembangunan yang mengambil kira kemudahan sumber yang terdapat di negeri ini," katanya.